

- HASIL PRESTASI CEMERLANGNYA IA KINI TAK BERHUTANG
- PEROLEHI UNTUNG \$159 JUTA BAGI TAHUN 1989-90

# Saham PROTON akan dijual — Dr. M

UM 10 JUL 1990

**K**UALA LUMPUR 9 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengumumkan keputusan kerajaan untuk menswastakan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) tidak lama lagi bagi membolehkan rakyat memiliki ekuiti dalam syarikat kereta nasional itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan Mitsubishi yang merupakan dua pemegang saham dalam PROTON sekarang, akan menjual sebahagian daripada saham masing - masing kepada orang ramai.

Kerajaan melalui Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) memiliki 70 peratus saham PROTON, manakala 30 peratus lagi dimiliki oleh Mitsubishi.

Langkah penswastaan ini diambil ekoran prestasi cemerlang PROTON yang kini tidak mempunyai hutang sesen pun.

Di samping itu, PROTON juga berjaya memperoleh keuntungan \$159 juta bagi tahun kewangan 1989-90 dengan penjualan bernilai \$1.4 ribu juta.

"Rakyat semua peringkat akan berpeluang memiliki industri automobil Malaysia ini," katanya ketika berucap di majlis makan malam sempena ulangtahun kelima pengeluaran komersial Proton Saga di sini.

LIHAT MUKA 2

## SAHAM PROTON AKAN DIJUAL — DR. M

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, PROTON akan mengeluarkan 85,680 buah kereta yang bernilai hampir dua ribu juta ringgit tahun ini dan ia menjadikan PROTON sebagai 'billion dolar company'.

Katanya, dalam jangka masa lima tahun sahaja, PROTON berjaya mengeluarkan 200,000 buah kereta dan jumlah ini meningkat lebih daripada pengeluaran semua jenis kereta daripada mana - mana kilang pemasangan di Malaysia yang telah beroperasi selama 25 tahun.

Di samping itu, kata Dato' Sri Dr.

Mahathir, PROTON sedang merangka berbagai strategi untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran kereta nasional, antaranya ialah membina kilang membuat enjin bernilai \$100 juta.

Beliau berkata, PROTON juga sedang menjalankan kajian untuk menambah model dan meningkatkan keupayaan enjin sehingga 1800 cc dan mengeluarkan kereta pandu sebelah kiri untuk pasaran tertentu.

"Dengan izin Allah kita akan menjadi pusat penting dalam bidang automobil dan automatif di rantau ini," tambahnya.